

# Qalam

---

---

Bilangan 98 Safar 1378 September 1958 70 sen

---

---

## Setahun Merdeka

Pada 31 Ogos ini genaplah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya setahun.

Di dalam perjalanannya setahun itu dapatlah kita memerhatikan bahawa apa yang telah di dapat, apa untung rugi yang telah kita peroleh daripada kemerdekaan setahun itu.

Dapat pula daripadanya kita melihat gambaran-gambaran bagi masa hadapan kita yang masih jauh yang masih berhajat kepada tenaga dan pengorbanan yang banyak.

Orang-orang kita Melayu khususnya telah melihat sedikit sebanyak ke mana mereka dibawa di dalam perjuangan yang ada sekarang. Semoga dengan pandangan-pandangan yang ada yang dapat diperhatikan, dapatlah kelak mereka memerhatikan lebih jauh perkembangan-perkembangan itu serta kedudukan-kedudukan mereka yang akan datang sebagai penduduk negeri ini.

Mereka wajib memerhati dan menimbang bahawa cara perlembagaan yang ada sekarang, kedudukan dan kehidupan orang Melayu tidaklah lagi mereka mesti berada seperti di zaman sebelum merdeka dahulu tetapi hendaklah mereka bekerja keras, sebagaimana penduduk-penduduk lain bangsa bekerja keras, untuk mendapatkan kedudukan dan kehidupannya kerana kalau mereka tidak mahu bekerja keras, berharap-harap sahaja sebagai dahulu, ertinya kelak orang-orang Melayu

akan namanya lagi sebagai “tuan rumah” tetapi segala penghuninya sudah dikuasai oleh orang lain - orang Melayu kelak tempat duduknya akan ditentukan oleh orang lain yang asalnya sebagai anak dagang.

Kalau dahulu di zaman pernaungan, orang-orang Melayu dengan raja-rajanya setaraf sebagai orang yang berhak mengajak berunding kerana ia tuan rumah maka di dalam zaman merdeka sekarang yang berhak berunding ialah “Wakil-Wakil Rakyat” yang dipilih oleh rakyat - ertinya kalau kuasa undi itu telah dimenangi oleh golongan lain daripada orang-orang Melayu ertinya orang itulah kelak yang bakal menentukan kedudukan orang-orang Melayu.

Dalam menyambut kemerdekaan ini mesti pula difikirkan kesan-kesannya yang lebih jauh iaitu di dalam perlumbaan banyaknya penduduk. Kita mesti menghadapi juga mengapa anak-anak kita lebih banyak mati daripada anak-anak orang lain. Mengapa orang lain lebih subur daripada kita. Akibat ini dapat pula kita melihat kelak kepada kuasa-kuasa pemerintahan yang akan datang.

Kita masih yakin bahawa dalam masa pilihan raya yang akan datang yang masih diharap orang kita Melayu (daripada golongan mana pun) akan menang. Demikian juga dalam pilihan raya sesudahnya tetapi bagaimanakah kedudukan kita sesudah masuk pilihan raya yang keempat? Perkara ini hendaklah dikaji oleh orang-orang kerana siapa banyak ia berkuasa dan siapa berkuasa ia menentukan corak.

Ini hal-hal mengenai dalam siasah tetapi bagaimana dalam hal ekonomi? Perhatikan dalam setahun merdeka ini apa yang telah ada kepada ekonomi orang-orang Melayu? Lihat dan perhatikan bersungguh-sungguh dan berhati-hati.

Di dalam keadaan negara seperti sekarang, janganlah kita hendaknya lengah dan lalai. Kita mesti berusaha dan bergerak untuk mencapai hak-hak istimewa yang ada kepada kita. Kalau hak-hak keistimewaan ini tidak kita rebut dan tuntutan serta diusahakan dari sekarang ertinya kita akan runtuh.

Pemimpin-pemimpin Melayu yang memegang teraju pemerintahan mesti memerhatikan hal perkembangan *iqtiṣād* untuk bangsa Melayu. Di dalam penyelenggaraan *iqtiṣād* ini janganlah hendaknya dipandang kebendaannya sahaja tetapi pandang dan perhatilah kepada rohnya, jiwanya, kerana kalau sekadar bantuan kebendaan sahaja yang diberi maka tidaklah diharap *iqtiṣād* bangsa Melayu akan dapat dipertahankan.

Dalam merdeka setahun ini tentu banyak dirasa pahitnya tetapi janganlah lupa bahawa dengan merdeka itu kitalah yang bertanggungjawab, dan kerana tanggungjawab sendirilah maka kita mestilah menanggungnya walau sekalipun kita merasa pahitnya. Sebab itu tenanglah, semoga dengan ketenangan dan kesabaran kita dapat kemerdekaan itu kita selenggarakan - tidak ada terlepas daripada tangan kita.

\* \* \*

### **Beragama**

Sesudah diisytiharkan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dahulu maka tidak berapa lama kemudian diisytiharkan bahawa agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu ialah agama Islam.

Demikianlah setelah setahun berjalan maka timbullah beberapa masalah yang terbut daripada perisytiharan itu terutamanya tentang erti beragama itu.

Setengah-setengah orang memandang bahawa perisytiharan Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu itu hanyalah meliputi perkara-perkara yang bersabit perkara-perkara beribadat sahaja untuk perkara di dalam lingkungannya yang mengenai zakat dan pelajaran dan sebagainya seperti di dalam istiadat rasmi.

Pendapat ini dibuktikan mereka daripada apa yang dilihat mereka, iaitu hanya nampaknya perkara-perkara agama yang berjalan tidak lebih dan tidak kurang daripada apa yang ada kepada zaman penjajahan dahulu sedang di dalam pelajaran-pelajaran agama yang dirancangkan untuk sekolah-sekolah juga belum pun dapat dijalankan.

Jadi menurut pandangan ini bahawa ertinya agama rasmi itu lebih kurang juga keadaannya dengan apa yang ada kepada kita dalam masa penjajahan dahulu. Ertinya - tidak lebih dan tidak kurang. Ini perhatian orang-orang kepada jalannya terhadap agama rasmi di Persekutuan Tanah Melayu.

Tetapi sebahagian pihak pula memandang dan menghendaki bahawa agama rasmi itu hendaklah diasaskan kepada hakikat dan kemahuan agama yang sebenar yakni supaya dengan pengakuan agama rasmi itu diasaskan hukum-hukum agama yang meliputi dari setapak ke setapak sehingga sempurnalah ia kelak yakni supaya hukum-hukum agama itu dapat dijalankan dengan baiknya mengikut pengertian yang sebenar.

Pengertian agama yang sebenar, dalam hal ini, ialah supaya hukum-hukum Tuhan yang berasaskan kepada *Kitāb Allāh* dan sunat dilaksanakan. Bagi orang-orang Islam ertinya beragama ialah meliputi, semenjak daripada perkara-perkara ibadah, masyarakat perseorangan dan am, siasah dan bernegara adalah susunan dan asasnya, telah diatur oleh